



## UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

### SURAT EDARAN UMT BILANGAN 1 TAHUN 2015

#### **Penambahbaikan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 Bagi Pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhad Disenaraikan Sebagai Alat Bantuan Perubatan**

#### **Latar Belakang**

1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 - Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan yang berkuat kuasa pada 1 November 2009 turut memperuntukkan pembekalan bagi alat perubatan dengan tanggungan kerajaan tertakluk kepada memenuhi syarat antara lain kemudahan perubatan yang diperlukan tidak dapat dibekal/disediakan oleh hospital/klinik kerajaan dengan perakuan keperluan kemudahan perubatan dan pengesahan oleh pegawai perubatan kerajaan.
2. Dalam perihal ini, Bahagian C Pekeliling Perkhidmatan tersebut telah menggariskan syarat-syarat dan peraturan umum berhubung pembekalan alat perubatan serta alat bantuan perubatan. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah bersetuju untuk menambah Alat Bantu Penglihatan Terhad ke dalam senarai Alat Bantuan Perubatan yang dibenarkan.

#### **Penambahbaikan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan**

3. Alat Bantu Penglihatan Terhad ini merupakan bantuan kemudahan pemulihan bagi individu yang mengalami masalah penglihatan terhad di mana individu ini dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya. Jenis Alat Bantu Penglihatan Terhad yang dibenarkan adalah peralatan optikal yang mengandungi satu atau lebih kanta dan diletakkan di antara mata dan bahan yang hendak dilihat.
4. Syarat-syarat dan peraturan-peraturan tambahan bagi permohonan perbelanjaan untuk pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhad adalah seperti berikut:
  - (i) Setiap pemohon boleh membuat permohonan perbelanjaan untuk membeli Alat Bantu Penglihatan Terhad yang berharga sehingga RM1,000 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) bagi setiap unit sahaja seperti yang ditetapkan di Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Harga Siling Bagi Permohonan Perbelanjaan untuk Pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhad**

<b>Jenis Alat Bantu Penglihatan Terhad</b>	<b>Harga Siling (RM)</b>
Peralatan Optikal Dekat	1,000.00
Peralatan Optikal Jauh (Telescope)	1,000.00

- (ii) Setiap pemohon boleh membuat permohonan perbelanjaan untuk membeli maksimum dua (2) jenis Alat Bantu Penglihatan Terhad iaitu satu (1) untuk kegunaan dekat dan satu (1) untuk kegunaan jauh dan harga setiap satu alat adalah tidak boleh melebihi RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu);
  - (iii) Permohonan perbelanjaan untuk pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhad melebihi dari dua (2) unit seperti ditetapkan di Jadual 1 adalah tidak dibenarkan bagi setiap satu permohonan;
  - (iv) Bagi permohonan perbelanjaan untuk penggunaan Alat Bantu Penglihatan Terhad kali pertama, harga siling bagi setiap unit Alat Bantu Penglihatan Terhad sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan (i) dan (ii) di atas adalah termasuk kos mentol dan bateri;
  - (v) Permohonan perbelanjaan bagi tujuan menggantikan alat yang rosak atau hilang disebabkan kecuaian, menggantikan mentol dan bateri adalah tidak dibenarkan; dan
  - (vi) Sekiranya Alat Bantu Penglihatan Terhad perlu ditukar atas nasihat Pegawai Optometri atau Pakar Oftalmologi berdasarkan tahap keseriusan penyakit, permohonan perbelanjaan bagi menggantikan Alat Bantu Penglihatan Terhad adalah dibenarkan.
5. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan permohonan perbelanjaan untuk pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhad boleh dipertimbangkan oleh Pendaftar tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat dan peraturan-peraturan di perenggan 4 di atas.

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

6. Kelulusan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2015.